

Tema manifesto BN digunakan dalam khutbah Jumaat hari ini
Malaysian Insider
April 12, 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 12 April — Masyarakat Islam di negara ini diseru supaya bersyukur dengan pemerintah negara ini dalam khutbah Jumaat hari ini yang turut menggunakan tajuk manifesto Barisan Nasional (BN) sebagai intipati khutbah.

Khutbah yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) itu bertajuk "Menepati Janji, Membawa Harapan" yang merupakan tema kepada manifesto BN yang dilancarkan Pengerusi BN Datuk Ser Najib Razak minggu lalu.

Dalam khutbah tersebut yang juga boleh di muat turun di laman web rasmi JAKIM itu tidak menyatakan secara terperinci mana-mana parti politik.

Berdasarkan tema tersebut, khutbah yang dibaca di setiap masjid sebelum solat Jumaat hari ini berkata bukti seorang pemimpin yang sempurna adalah melalui pelunasan janji yang dibuatnya.

"Yakinlah bahawa menepati janji dan berkata benar merupakan bukti kesempurnaan dan keadilan seseorang pemimpin itu kerana bukan semua pemimpin mampu mengotakannya dan hanya pemimpin yang bertanggungjawab serta sayangkan rakyatnya sahaja mampu menunaikan janjinya," kata khutbah berkenaan.

Selain itu, khutbah berkenaan turut mengingatkan jemaah agar pemimpin yang tidak menepati janji akan menyebabkan rakyatnya menderita serta mencetuskan kebencian dan rasa marah.

"Meremehkan janji atau sengaja untuk tidak menepati apa diucapkan adalah suatu dosa besar yang pasti menyebabkan kebencian dan kemarahan.

"Bayangkan, apakah akibatnya kepada rakyat jika ada pemimpin yang tidak menepati janji? ... pastinya rakyat akan menderita dan merana di bawah pemerintahannya," kata khutbah berkenaan, dan menambah, "janganlah hanya pandai menaburkan janji manis ibarat menanam tebu di tepi bibir. Ingatlah, setiap manusia akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah mengenai janji yang pernah dibuat."

Tema "Menepati Janji, Membawa Harapan" dalam manifesto BN telah dilancarkan Najib beberapa hari selepas pembubaran Parlimen yang sekaligus bakal menyaksikan rakyat Malaysia akan mengundi pemimpin dan kerajaan baru dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU 13) pada 5 Mei akan datang.

Pilihan raya kali ini dikatakan paling sengit dalam sejarah negara memandangkan BN akan menghadapi pembangkang daripada Pakatan Rakyat (PR) yang cukup bersedia dan semakin kuat selepas menidakkan kuasa dua pertiga majoriti parti pemerintah itu pada Pilihan raya 2008 termasuk lima negeri.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tema-manifesto-bn-digunakan-dalam-khutbah-jumaat-hari-ini/>

